



IJM Corporation Berhad dan kumpulan syarikatnya mengakui bahawa melindungi nyawa warga kami dan semua yang terlibat dengan operasi kami daripada apa-apa bentuk bahaya adalah penting bagi kejayaan perniagaan kami.

Kami komited untuk mewujudkan, memelihara dan menguruskan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja kami serta melindungi keselamatan orang lain yang terlibat dengan operasi dan perkhidmatan kami. Tiada yang lebih penting daripada melakukan tugas kami dengan selamat.

Kami percaya terhadap usaha menjadikan Kesihatan dan Keselamatan sebagai asas dan perkara penting dalam budaya kami dan akan berusaha untuk mencapainya dengan:

- Menyediakan kepimpinan yang berkesan, jelas dan dapat dijadikan contoh;
- Memupuk nilai dan cara pemikiran yang betul dalam kalangan pekerja;
- Memupuk kepentingan kesihatan serta kesejahteraan fizikal, mental dan sosial pekerja kami di tempat kerja;
- Menggalakkan komunikasi dua hala, pelibatan dan penyertaan yang berkesan pada semua peringkat tenaga kerja, rakan perniagaan, pembekal dan subkontraktor kami bagi meningkatkan komitmen mereka terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerja termasuk pematuhan kepada Pernyataan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja IJM;
- Menyediakan dana dan sumber mencukupi yang diperlukan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, termasuk penyeliaan, latihan dan kemudahan; dan
- Bekerjasama dengan industri serta pihak berkepentingan lain dengan tujuan untuk merangsang penambahbaikan terhadap kesihatan dan keselamatan.

IJM Corporation Berhad dan kumpulan syarikatnya menghendaki agar semua operasi, produk dan perkhidmatan organisasi mencapai tahap persekitaran kerja tanpa adanya mana-mana orang yang terdedah kepada bahaya, kecederaan atau gangguan kesihatan. Selaras dengan prinsip yang menjadi panduan utama kami, iaitu "**Melindungi Nyawa**", kumpulan akan berusaha untuk:

- Mencuba sedaya upaya menghapuskan bahaya yang melibatkan Kesihatan dan Keselamatan, jika boleh, pada semua peringkat operasi;
- Mengenal pasti dan menguruskan keadaan keseluruhan organisasi, risiko dan peluang yang mungkin timbul akibat daripada strategi/aktiviti/produk/perkhidmatan dalam organisasi;
- Menilai, mengurus dan mengurangkan risiko ke tahap yang serendah dan semunasabahnya dapat dilaksanakan;
- Memantau sistem pengurusan kami dan objektif organisasi secara proaktif;
- Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja serta keperluan lain yang terpakai.

Setiap pekerja dalam perniagaan ini bertanggungjawab untuk:

- Menjalankan tugas masing-masing dengan selamat;
- Menjaga diri sendiri dan orang lain, termasuk orang awam;
- Bekerjasama dengan majikan atau mana-mana orang lain bagi melaksanakan apa-apa tanggungjawab;
- Mematuhi semua keperluan Kesihatan dan Keselamatan yang terpakai;
- Melaporkan dan mengambil tindakan segera, jika dapat dilaksanakan, sekiranya terdapat apa-apa tindakan atau keadaan yang tidak selamat;
- Memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing berhubung dengan Kesihatan dan Keselamatan di tempat kerja; dan
- Mengamalkan nilai yang betul bagi membantu mewujudkan budaya Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar yang kukuh.

Kami akan memastikan agar semua keperluan ini dinyatakan dalam Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar yang telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan kami. Organisasi akan berusaha untuk terus menambah baik sistem; walau bagaimanapun, sokongan padu dan profesionalisme terbaik daripada semua pekerja adalah penting untuk menjadikannya benar-benar berjaya.

Liew Hau Seng
Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan
1 Disember 2020